

BAB 3

PENGERTIAN DAN KONSEP

3.1. PENDAHULUAN.

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu para pelajar pada peringkat sekolah menengah, khususnya peringkat menengah atas. Umumnya, kajian ini adalah untuk melihat bagaimanakah keupayaan pelajar menyusun gugusan atau ayatnya untuk membentuk perenggan-perenggan sehingga menjadi sebuah karangan yang mantap dan dengan kata lain, karangan itu mempunyai kepaduan makna.

Untuk meneliti aspek kepaduan makna atau sebuah karangan yang mantap seperti disebutkan di atas, kajian ini akan meninjau aspek proposisi dan idea daripada rangkaian teks yang terdapat dalam karangan sampel. Ini bermakna kajian ini akan meneliti hasil penulisan karangan sampel bukan hanya setakat teks tetapi penelitian akan dibuat melampaui batas teks atau ayat.

Berdasarkan penjelasan di atas, jelas bahawa kajian ini akan berlandaskan analisis wacana. Oleh kerana asas kajian ini berlandaskan analisis wacana, seharusnya konsep atau pengertian wacana tersebut dijelaskan terlebih dahulu dalam kajian ini agar konsep-konsep penting yang digunakan dalam kajian ini dapat difahami.

3.2. PENGERTIAN WACANA.

Wacana merupakan satu aliran tatabahasa yang melihat sesuatu entiti bahasa itu menembusi berbagai-bagai aspek, seperti aspek linguistik, psikolinguistik, dan sosiolinguistik. Ini bermakna wacana itu bukan melihat sesuatu entiti bahasa hanya sebagai frasa-frasa yang membentuk sintaksis semata-mata.

Berdasarkan penjelasan seperti tersebut di atas, analisis wacana akan melihat atau meneliti bagaimana suatu teks itu dihasilkan. Selain itu, analisis wacana akan meneliti kaitan teks-teks yang dibina itu dengan dunia teks atau luar teks dan konteks teks tersebut. Ini bermakna analisis wacana itu dapat difahami sebagai satu rakaman bahasa yang berkaitan dengan peristiwa komunikasi (Samsuri, 1992:6).

Menurut T. Fatimah Dj. Idat (1994:2), analisis wacana merupakan satuan bahasa yang terlengkap dan tertinggi dalam hierarki gramatikal. Dengan demikian, analisis wacana merupakan satuan bahasa yang melebihi batas ayat. Oleh itu juga wacana boleh berupa ujaran, teks, perenggan, ceraiian bab dan buku (Asmah Hj. Omar, 1980).

Pandangan lain yang hampir sama dengan pengertian di atas juga menjelaskan bahawa wacana adalah satuan bahasa yang terlengkap dan tertinggi atau terbesar di atas kalimat atau klausa dengan koherensi dan kohesi yang tinggi. Selain itu, *wacana itu adalah berkesinambungan dengan mempunyai awal dan akhir yang nyata serta disampaikan secara lisan atau tertulis (dalam Khatijah Abdul Hamid, 1996:870).*

Penjelasan di atas menjelaskan bahwa wacana adalah penggunaan bahasa dalam konteks yang membawa makna. Hakikat ini telah dijelaskan oleh Brown dan Yule (1987:1), iaitu wacana adalah sebagai "... *the analysis of language in use*".

Seterusnya, pengertian wacana juga dijelaskan oleh Sato Hirobumi (1997:14), iaitu:

"... dalam ujaran (utterance) yang sebenarnya wujud , suatu ayat yang diujarkan baik dalam bentuk pertuturan atau tertulis, pada umumnya, berfungsi sebagai satu unsur dalam kesatuan yang dilahirkan oleh jalinan ayat yang menyampaikan maklumat tentang suatu topik. Dan apabila kesatuan ini memperlihatkan hubungan yang tergabung secara logik antara butir fikiran dengan perkembangan akaliah yang ada di dalamnya, iaitu keteraturan fikiran (coherence), kesatuan ini dinamakan wacana (discourse) atau teks (text)."

Pengertian oleh Sato Hirobumi ini menjelaskan bahawa sesuatu wacana itu memerlukan satu kesatuan fikiran. Ini dapat dilahirkan dengan adanya satu kesinambungan dari aspek gramatikal atau idea dalam menyampaikan sesuatu topik. Hal ini menunjukkan bahawa ayat yang membentuk wacana bukan sebagai satu entiti tersendiri atau terpisah-pisah tetapi ia saling bergantung sebagai satu kesatuan struktur (1997:15).

Halliday (1980:1) menyatakan bahawa satu wacana itu merupakan suatu teks yang terikat dan padu. Ini telah dijelaskan oleh beliau, iaitu "*The word text is used*

in linguistics refer to any passage, spoken or written whatever length that does form unified whole."

Pengertian analisis wacana oleh Halliday di atas menjelaskan bahawa wacana itu merupakan satu kesatuan yang mempunyai struktur dan ia juga sebagai satu kesinambungan fikiran.

Beaugrande dan Dressler (1986:3) juga ada menjelaskan tentang analisis wacana dan beliau mengatakan bahawa analisis wacana itu adalah:

A text will be defined as a Communicative Occurrence which meets seven standards of textuality. If any of these standards is not considered to have been satisfied, the text will not be communicative.

Beaugrande dan Dressler telah meletakkan kriteria bagi sesebuah teks itu dianggap sempurna sebagai sebuah wacana. Kriteria tersebut dikenali sebagai Tujuh Standard Tekstualiti. Tujuh Standard Tekstualiti yang digunakan untuk mengukur sesuatu teks tersebut sempurna sebagai wacana seperti *cohesion (tantuan)*, *coherence (kepaduan makna)*, *intentionality*, *acceptability*, *informativity*, *situationality*, dan *intertextuality* (Beaugrande dan Dressler, 1986:1-12). Apa yang jelas di sini ialah ayat-ayat atau disebut juga sebagai kalimat atau teks yang mempunyai maksud dan mempunyai maklumat dalam satu wacana, boleh juga dianggap sebagai satu satuan semantik. Ini bermakna ia mempunyai makna-makna seperti makna logikal, makna tatabahasa dan makna leksikal. Inilah asas pada Tujuh Standard Tekstualiti tersebut dalam mengukur sesuatu teks

tersebut sempurna sebagai wacana. Hal serupa juga telah dijelaskan oleh Halliday dan Hassan (1976:2), iaitu:

A text is best regarded as a Semantic unit: a unit not of form but of meaning. Thus it is related to a clause or sentence not by size but by Relation, the coding of one symbolic system in another.

Selain itu, Wong Khok Seng (1992:19) menjelaskan bahawa analisis wacana itu adalah usaha mengkaji bahasa yang melampaui ayat. Ia meliputi kajian terhadap struktur urutan ayat, peranan sesuatu unsur bahasa dalam sesuatu struktur serta hubungannya antara satu ayat dengan ayat yang lain. Jelas di sini bahawa wacana itu tidak melihat ayat itu sebagai satu ayat atau teks yang berdiri sendiri tetapi makna yang tersirat yang dilahirkan oleh teks atau ayat. Makna ini pula dapat dilengkapi dengan adanya rantaian tautan.

Berdasarkan pengertian dan penjelasan di atas berkaitan dengan analisis wacana, ia memberikan penjelasan bahawa analisis wacana merupakan satu aliran tatabahasa yang dapat mengkaji entiti bahasa melampaui batas ayat. Ia juga dapat melihat kegunaan teks pada konteks dan situasi bagi mengesan maklumat yang terkandung dalam sebuah wacana itu. Selain itu, apa yang jelas dalam sebuah wacana itu ialah keteraturan maklumat yang disusun dalam satu struktur dan ia berkesinambungan dari aspek

semantik, gramatikal dan leksikalnya⁸. Kesemua ciri-ciri di atas membentuk satu tekstur wacana.

3.3. KONSEP TAUTAN.

Tautan berasal daripada perkataan Inggeris, iaitu "*cohesion*". Walau bagaimanapun, ada sesetengah penulis menggunakan istilah pertautan dan perpautan. Selain itu, ada juga penulis yang menggunakan istilah kohesi sebagai unsur tautan, iaitu adaptasi daripada ejaan bahasa Inggeris tersebut kepada bahasa Melayu.

Sanat Md. Nasir (1998) yang mengkaji tautan dalam teks bertulis telah menyarankan istilah tautan bagi menggantikan "*cohesion*". Beliau berpendapat bahawa imbuhan "-an" tersebut menggambarkan sebagai hasil, iaitu hasil daripada sesuatu proses. Ia dilihat sebagai sesuai kerana teks dapat dilihat sebagai hasil.

Seterusnya, Sanat Md. Nasir (1998:72) mendefinisikan tautan itu sebagai hubungan unsur linguistik di dalam teks, sama ada pada peringkat dalam ayat atau antara ayat. Hubungan ini seharusnya memperlihatkan satu keserasian atau kesesuaian antara unsur-unsur yang digunakan bagi maksud melakukan tautan. Ini jelas daripada maksud

⁸ Apa yang dimaksudkan di sini adalah teks yang bertaut, dan mempunyai kepaduan makna. Di sini ia bergantung pada ciri-ciri kohesi yang terdiri daripada kohesi nahan, dan leksikal serta koherensi, iaitu kesepaduan keseluruhan teks. Teks yang koherensi memperlihatkan penggunaan sarana-sarana kohesi (Khatijah Abdul Hamid:1998:635).

Moelino dan Soenjono (dalam Sanat Md. Nasir, 1998:71), yaitu tautan sebagai *“keserasian hubungan antara unsur yang satu dengan unsur yang lain dalam wacana sehingga terciptalah pengertian yang apik atau koheren”*. Oleh demikian, dalam memastikan deretan teks-teks itu terjalin kemas dan menampilkan kepaduan makna, pemilihan kata atau lexis hendaklah memperlihatkan pertautan secara teratur. Jika tidak, kesempurnaan tautan serta kepaduan maknanya akan terjejas.

Gleason (1968: 63) telah melihat tautan dengan merujuk kepada frasa nama yang digunakan dalam sesebuah teks. Frasa nama yang digunakan pada awal dalam sesebuah teks itu telah digantikan dengan kata ganti nama dalam ayat yang berikut. Bagaimanapun, pertukaran tersebut dapat difahami dengan jelas, iaitu kata ganti nama tersebut adalah merujuk kepada frasa nama dalam ayat yang awal. Hal ini dapat difahami kerana ia memperlihatkan satu tautan yang jelas.

Selain itu, Pike dan Pike (1982: 439) melihat tautan dengan merujuk kepada penggunaan fitur-fitur tertentu. Fitur-Fitur suatu tagmen ini menguasai dan dikuasai oleh tagmen lain. Apa yang cuba diterangkan oleh Pike dan Pike ini berkaitan pengertian tautan adalah sama dengan apa yang dilihat oleh Gleason di atas .

Wong Khok Seng (1992) menyatakan bahawa tautan itu merujuk kepada bentuk-bentuk linguistik yang digunakan untuk menghubungkan satu urutan ayat sehingga melahirkan sesuatu teks (seperti perenggan, stanza atau bab) yang padu. Berdasarkan hemah beliau, bentuk linguistik tersebut boleh sahaja terdiri daripada kata ganti nama atau penanda wacana.

Apa yang disebut oleh Wong Khek Seng tentang tautan , iaitu bentuk-bentuk linguistik yang menghubungkan satu urutan ayat sehingga melahirkan teks yang padu juga ditegaskan oleh Abdul Jalil Othman (1997: 33):

Analisis kohesi juga bukan sahaja dapat memperlihatkan kesan langsung pertautan dalam sesuatu teks yang dihasilkan, bahkan ia juga dapat memberi gambaran tentang rentetan yang dimaksudkan yang ingin disampaikan oleh penulis.

Berdasarkan kenyataan daripada Abdul Jalil Othman di atas, jelaslah bahawa rentetan maksud yang terkandung dalam sesebuah teks itu hanya akan jelas jika ia ditautkan dengan sempurna.

A. Hamid Hasan Lubis (1993:23-24) juga ada menjelaskan tentang tautan.

Di sini beliau mengatakan bahawa deretan kalimat-kalimat bukanlah dilakukan secara melulu tetapi ada pengikatnya. Pengikat yang dimaksudkan oleh beliau itu adalah tautan. Tautan itu boleh terdiri daripada penggunaan leksis atau frasa, penggantian (sesuatu leksis digantikan dengan leksis frasa lain), penghilangan (sesuatu leksis atau frasa dihilangkan tetapi masih dapat difahami) dan sebagainya.

Berdasarkan penjelasan-penjelasan di atas, tautan adalah satu konsep yang memperlihatkan cara sesuatu teks itu terjalin dalam satu kerangka wacana. Ini amat penting kerana tautan akan memberikan kesan terhadap kepaduan makna kerangka wacana tersebut.

Seterusnya, dalam menautkan deretan ayat atau fikiran sudah tentu terdapat instrumen atau alat tautan. Alat tautan ini terdiri daripada leksis-leksis atau frasa. Leksis atau frasa ini digunakan untuk tujuan melakukan tautan sama ada dari aspek semantik, leksikal atau gramatikal.

Mengikut Halliday dan Ruqaiyah Hasan (dalam Sanat Md. Nasir:100), terdapat lima jenis tautan, iaitu tautan rujukan, penggantian, elipsis, penghubungan dan leksikal. Namun begitu, Sanat Md. Nasir telah memperluaskan lagi konsep tautan Halliday dan Ruqaiyah Hasan ini. Beliau telah memberikan nama lain bagi menjelaskan konsep tautannya. Konsep tautan beliau dikenali sebagai Model Tautan Pindaan. Model Tautan Pindaan oleh Sanat Md. Nasir itu merangkumi tiga jenis utama, iaitu Tautan Perulangan, Tautan Kolokasi dan Tautan Penghubungan Ayat.

Penjelasan-penjelasan di atas agak memadai untuk memberikan kefahaman ringkas tentang maksud tautan dan cara tautan dilakukan. Sebenarnya, terdapat banyak model lain yang menerangkan cara tautan tetapi kajian ini tidak akan menyentuh kesemua ini secara mendalam. Kajian ini seperti yang dijelaskan di dalam Bab 1 hanya akan meneliti unsur-unsur leksis yang digunakan bagi menautkan deretan ayat, perenggan dan idea terpenting. Ini dinamakan sebagai tautan gramatikal. Selain itu juga, kajian ini akan meneliti penggunaan leksis untuk tujuan tautan subjek dan ini dinamakan sebagai tautan leksikal.

3.4. KEPADUAN MAKNA.

Kepaduan makna atau koherensi merujuk kepada konsep kefahaman terhadap makna atau maksud yang terkandung di dalam sesebuah deskripsi bahasa. Dengan kata lain, kepaduan makna atau koherensi ditakrifkan sebagai maksud yang wujud di sebalik sesebuah deskripsi bahasa. Kenyataan ini jelas sebagai mana yang disebut oleh T. Fatimah Dj. Idat (1994:46), iaitu “...*sedangkan koherensi pada perpautan makna*”.

Tata bahasa Indonesia (1988:350) juga mentakrifkan kepaduan makna sebagai “ ... *koherensi, yaitu hubungan semantik yang mendasari wacana*”. Pengertian ini selari dengan kenyataan bahawa “ *koherensi adalah pengutaraan secara rapi kenyataan dan gagasan, fakta dan ide menjadi suatu untaian yang logis sehingga mudah memahami pesan yang didukungnya*” (Wohl,1978:25 dalam H.G. Tarigan, 1987:104).

Penjelasan-penjelasan di atas menerangkan bahawa kepaduan makna atau koherensi itu adalah maksud yang padu dalam sesuatu entiti bahasa atau sesebuah deskripsi bahasa. Oleh demikian, sesebuah deskripsi bahasa itu tidak wujud dengan bersahaja tetapi ia mengandungi maklumat yang perlu diketahui.

Seterusnya, dalam menghasilkan sesebuah deskripsi bahasa yang mempunyai kepaduan makna atau koherensi, ia haruslah memperlihatkan perkaitan yang

logik antara setiap idea atau teks. Ini jelas seperti yang disebutkan oleh Wong Khek Seng (1992), iaitu *“koherensi merujuk kepada sesuatu teks atau wacana yang memperlihatkan kesatuan dan perkaitan logik antara idea-idea yang dipaparkan”*. Perkaitan logik tersebut juga telah diterangkan oleh Asmah Hj. Omar (1987:108) sebagai *“...keteraturan fikiran dimaksudkan susunan fikiran secara logik”*. Selain itu, J.C.P. de Almeida (1984:12) juga menyatakan bahawa koherensi sebagai *“the relative perceived quality of a text that makes it be understood in its unity within a possible world-setting”*.

Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan tersebut, sesebuah deskripsi bahasa itu mempunyai kepaduan makna apabila memperlihatkan kesatuan dan perkaitan logik antara teks, fikiran atau idea. Perkaitan ini tentu sahaja menerusi tautan, iaitu dengan menggunakan alat-alat tautan mengikut kesesuaian. Ini jelas seperti mana yang disebutkan oleh Halliday dan Ruqaiyah Hasan (1976:28), iaitu *“The sentences of a text, however, are related to each other both substantively and by cohesion ...”*. Wong Khek Seng (1992:106) juga turut menyebutkan bahawa:

koherensi sesebuah penulisan melalui interaksi antara berbagai-bagai bentuk penghubungan dan sistem perujukan dan bukannya terhasil daripada satu-satu penghubungan atau sistem perujukan secara terpisah.

Ini menjelaskan bahawa untuk memastikan sesebuah deskripsi bahasa itu mempunyai kepaduan makna, ia boleh dilahirkan dengan menggunakan tautan dalam

sesebuah penulisan. Wong Khok Seng (1992:107) menjelaskan hal ini lagi dengan mengatakan bahawa “... *pelbagai alat atau ikatan kohesi boleh dieksploitasikan untuk mewujudkan koherensi dalam sesebuah penulisan*”.

Aspek-aspek tautan yang boleh digunakan bagi mengaitkan deretan teks atau fikiran dalam deskripsi bahasa sehingga melahirkan kepaduan makna atau koherensi seperti rujukan, penggantian, elipsi, penghubungan dan susunan leksikal (Halliday dan Ruqaiyah Hasan, 1976).

Dengan menggunakan unsur-unsur tautan di atas secara bersesuaian, barulah deretan fikiran atau teks dalam sesebuah deskripsi bahasa dapat difahamkan makna atau maksudnya dengan berkesan. Namun begitu, tidak semua deskripsi bahasa itu memerlukan pertautan bagi membolehkan ia mempunyai kepaduan makna. Ini telah dijelaskan oleh Samsuri (1992:17), iaitu “... *dalam wacana tidak semua yang runtut mesti kohesif*”. Dalam konteks ini, tautan sebenarnya wujud tetapi tidak pada struktur. Sebaliknya, tautan wujud dalam bentuk elipsi atau penghilangan seperti yang terdapat dalam unsur-unsur tautan yang dikemukakan oleh Halliday dan Ruqaiyah Hasan di atas.

Penjelasan-penjelasan di atas menerangkan bahawa sesebuah deskripsi bahasa itu bukan berdiri sendiri tetapi pada asasnya, ia perlu ditautkan dengan alat tautan secara bersesuaian bagi membolehkan maklumat-maklumatnya diketahui. Kejelasan maklumat tersebut merujuk kepada kepaduan makna dalam penulisan yang berkesan.

3.5. KOMPOSISI SEBUAH KARANGAN.

Sesebuah karangan pelajar terkandung beberapa teks atau kalimat. Teks-teks ini kemudiannya akan membentuk sesebuah perenggan. Seterusnya pula, perenggan-perenggan ini akan membina sesebuah karangan. Namun begitu, semua teks yang membentuk perenggan dalam sesebuah karangan pelajar bukan berdiri sendiri tetapi ia melibatkan satu komposisi yang berpadu dan bertautan. Kepaduan ini yang akhirnya akan memantapkan lagi makna yang terkandung dalam sesebuah perenggan dan keseluruhan karangan tersebut di dalam sebuah kerangka yang padu. Inilah yang disebutkan sebagai wacana. Oleh demikian, komposisi sesebuah karangan yang dijalinan oleh rangkaian teks dan perenggan seharusnya mempunyai keutuhan wacana yang akan membawa kepada pemahaman yang jelas serta tepat. Hal ini pernah ditegaskan oleh Roselan Baki bahawa “...*kewujudan wacana dalam sesebuah karangan amat penting. Tanpa wacana sesebuah karangan tidak akan memberi apa-apa erti... sukar menanggapi maksud penulis*” (lihat Normah Abdullah dan Che Mohd Arif Che Mohd Yusoff, 1997:1035).

Seterusnya, menurut T. Fatimah Dj. Idat (1994:20) bahawa kepaduan sesebuah komposisi itu terbentuk oleh adanya kesatuan dan pertautan. Bagaimanapun, kesatuan ini boleh diperolehi dengan adanya pertautan dalam aspek semantik, gramatikal dan leksikal (1994:56). Ini bermakna dalam sesebuah karangan yang terdiri daripada rangkaian teks, ia merupakan juga satu tautan makna, gramatikal dan leksikal yang seterusnya akan melengkapkan sebuah perenggan yang padu maknanya. Begitu juga

halnya, dalam setiap perenggan ini juga akan terdapatnya satu rangkaian dengan perenggan lain yang akan mengukuhkan makna keseluruhan karangan. Sebaliknya, sesebuah teks atau perenggan yang tidak bertautan tidak akan mempunyai kepaduan makna atau kabur dan sukar difahami. Ini telah dijelaskan oleh Sato Hirobumi (1997:18) seperti yang berikut:

"... suatu maklumat yang dinyatakan dalam rangkaian ayat tidak selalunya mengalir dengan licin walaupun ayat-ayat itu dibina dengan betul dari segi nahuan, Maksudnya ayat-ayat yang demikian itu terasa janggal dengan tidak sesuai digunakan dalam kontek ujaran itu."

Selain itu, komposisi karangan juga telah dijelaskan oleh Normah Abdullah (1997:1035), iaitu :

Dalam konteks karangan, wacana wujud apabila berlaku interaksi komunikasi antara teks dengan pembaca. Untuk memastikan makna yang terbawa oleh teks, sejajar dengan makna yang ditanggapi oleh pembaca, pengarang haruslah berhati-hati supaya konteks yang dipaparkan sesuai serta logik.

Berdasarkan penjelasan-penjelasan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa sesebuah karangan itu terbina oleh beberapa gugusan ayat atau teks. Ayat atau teks ini pula akan ditautkan menjadi beberapa buah perenggan yang utuh. Perenggan-perenggan

yang dibentuk itu juga terbina atas satu pertautan yang berkesinambungan dan di atas satu topik pembicaraan. Dengan ini barulah terhasilnya sebuah karangan yang berkesan dan mempunyai kepaduan makna. Di samping itu, ia juga menampilkan gaya penulisan yang indah.

Ringkasnya, asas dalam sesebuah karangan itu adalah teks-teks yang disusun secara bertautan dalam beberapa perenggan. Perenggan-perenggan ini dibahagi-bahagikan kepada perenggan pendahuluan, perenggan isi dan penutup. Setiap perenggan itu juga ditautkan dalam satu kerangka yang padu.

3. 6. KONSEP PROPOSISI DAN IDEA TERPENTING.

Proposisi merupakan satu entiti yang diperolehi daripada sebuah rumusan dalam satu-satu teks. Ini bermakna proposisi itu merupakan makna atau sebuah inti dalam sesuatu teks yang dilahirkan. Ini jelas apabila seseorang membaca suatu teks atau rangkaian teks, ia akan terdorong mencari inti daripada teks tersebut. Apa yang diperolehi adalah merupakan satu rumusan serta tanggapan berkaitan keseluruhan teks yang dibaca. Oleh demikian, bolehlah dijelaskan bahawa proposisi merupakan usaha untuk merealisasikan isi wacana (Brown and Yule, 1996:106).

Selain itu, van Dijk (dalam Brown and Yule, 1977:107) telah meneliti unsur topik wacana dalam usahanya menganalisis realisasi semantik sesebuah teks. Dalam hal ini, topik wacana ini telah dinyatakan sebagai proposisi kerana ia terdapat dan dinyatakan oleh rangkaian kalimat pada teks. Dengan demikian, proposisi dalam sesebuah teks menggambarkan apa yang ada pada fikiran penutur yang telah dilahirkan dalam bentuk teks. Ini bermakna proposisi boleh diertikan sebagai usaha membuat atau mengeluarkan sesuatu pernyataan daripada sesebuah teks (1996:114).

Seterusnya, dengan membaca sebuah teks bertulis, seseorang itu akan mencari-cari entiti tersirat daripada teks-teks tersebut. Ini kerana bukan mudah untuk mengesan dan mengingati informasi-informasi yang dilahirkan dalam berbagai-bagai bentuk teks. Oleh demikian, informasi-informasi itu adalah lebih baik diubah dalam bentuk proposisi-proposisi. Pengubahan ini bukanlah merupakan sebuah terjemahan langsung tetapi merupakan tafsiran atau erti yang termaktub. Ini merupakan usaha yang dilakukan oleh pembaca dalam mengesan makna sesebuah teks. Dengan ini, makna teks atau deretan teks itu merupakan proposisi.

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa proposisi itu adalah satu entiti makna yang dapat ditafsirkan daripada teks atau rangkaian teks. Entiti makna inilah yang menjadi keutamaan dalam mentafsir suatu teks dan ini merupakan wacana sebenar yang dicari-cari daripada rangkaian teks yang berisi dengan rangkaian informasi atau maklumat.

Seterusnya, daripada proposisi ini dapat dicari entiti yang lebih terperinci yang juga dapat dikenali sebagai isi wacana. Hal ini selaras dengan penjelasan Brown dan Yule (1996:111), iaitu "***Yang penting bagi pendekatan analisis wacana berdasarkan proposisi adalah pemusatan perhatian pada isi wacana ...***". Hakikat ini memberikan makna bahawa isi wacana yang terkandung dalam sesebuah proposisi itu boleh dianggap sebagai suatu idea terpenting.

Abdul Aziz Idris⁹ telah menerokai kajian berkaitan dengan proposisi dan idea terpenting ini menerusi teks eksposisi. Oleh demikian, elok ditinjau cara beliau pencerakinkan proposisi dan idea terpenting daripada proposisi yang terdiri daripada beberapa rangkaian teks eksposisi. Hal ini sudah tentu akan dapat menjelaskan lagi penjelasan di atas. Pencerakinan beliau (lihat Wong Khek Seng, 1995:15) dapat dilihat pada contoh A seperti yang berikut:

⁹ Abdul Aziz Idris telah pencerakinkan teks dalam melihat pembinaan perenggan. Dalam usaha ini beliau telah meneliti konsep proposisi, dan idea terpenting. Bagaimanapun, kajian beliau adalah satu kajian berdasarkan penulisan proposional. Lihat Abdul Aziz Idris "An Analysis of the Thematic Structure and System of Logical Relation in English and Malay Expository Text", 1982.

Contoh A:

Rangkaian Teks:

1. Satu masalah besar yang sedang mencabar kebijaksanaan manusia ialah sains dan teknologi telah berjaya mengurangkan kadar kematian dan memanjangkan jangka hidup, tetapi masih gagal mengurangkan kadar kematian manusia.

Proposisi Daripada Teks:

- P1. Sains dan teknologi gagal mengurangkan kadar kelahiran manusia

Idea terpenting Dari Proposisi:


- I1. Pertambahan penduduk

Contoh di atas menunjukkan bahawa proposisi, iaitu “**PI**” itu merupakan realisasi makna atau isi wacana daripada rangkaian teks “**I**”. Seterusnya, daripada proposisi “**PI**” itu dapat dicarikan lagi isi wacana yang lebih terperinci, iaitu idea terpenting seperti pada “**II**”.

Penjelasan-penjelasan di atas dapat memperlihatkan bahawa daripada teks atau rangkaian teks terkandungnya isi wacana yang dinamakan proposisi dan daripada proposisi itu pula terkandung juga isi wacana yang lebih asas dan ia dikenali sebagai idea terpenting. Ini menjelaskan kepada kita bahawa konsep proposisi itu mempunyai peringkat-peringkat. Hakikat ini telah dijelaskan oleh Kintsch dan Keenan (1973: dalam Brown and Yule, 1996:111), iaitu “...¹ **proposisi-proposisi tertentu menjadi subordinat yang lain**”. Selain itu, mereka juga mendapati bahawa hasil eksperimennya menunjukkan

suatu proposisi dapat menjadi argumen proposisi lain. Dengan ini, konsep proposisi dan peringkatnya boleh diringkaskan seperti Rajah 3 A yang berikut:

Rajah 3 A: Pemingkatan Isi Wacana.



Sebagai kesimpulannya, proposisi dan idea terpenting itu merupakan isi wacana. Proposisi dan idea terpenting itu merupakan tafsiran secara lebih padat dan ringkas. Selain itu, ia merupakan apa yang dicari-cari oleh para pembaca apabila berhadapan dengan teks atau rangkaian teks. Oleh demikian, proposisi dan idea terpenting ini adalah lebih ringkas serta padat berbanding teks yang digunakan untuk mengungkapkan sesuatu idea.

3.7. KONSEP TOPIK DAN TOPIK PEMBICARAAN.

Dalam kajian ini, secara tidak langsung ia akan menyentuh aspek topik pembicaraan, iaitu sewaktu meneliti kemahiran pembinaan perenggan yang berdasarkan proposisi dan idea terpenting. Oleh demikian, seharusnya juga konsep dan pengertian topik pembicaraan ini dijelaskan. Ini kerana dalam analisis wacana itu terdapat konsep topik yang lain, seperti topik penutur, topik kalimat, dan topik wacana.

Topik wacana telah dibincang secara sepintas lalu pada bahagian konsep dan pengertian proposisi. Seperti yang telah disebutkan pada bahagian tersebut, topik wacana itu adalah realisasi semantik sesuatu teks. Dengan ini, dapatlah disebutkan bahawa topik wacana itu merujuk kepada maksud sesuatu teks tetapi maksud tersebut hanya secara umum atau generalisasi. Maksud yang secara umum atau generalisasi ini dapat pula diperincikan lagi menerusi perincian maklumat-maklumat yang terkandung pada peringkat proposisi dan idea terpenting. Ringkasnya, topik wacana itu merujuk kepada suatu maksud sesuatu rakaman bahasa secara umum atau wacana keseluruhan.

Sementara itu, topik pembicaraan pula berkaitan dengan sesuatu kerangka wacana yang diungkapkan menerusi teks atau deretan teks atau perenggan dan ia menuruti satuan sebab wacana mengenai suatu topik. Ini boleh dianalogikan seperti seseorang itu yang sedang berbincang mengenai gejala sosial tetapi ia berhenti berbincang pada satuan wacana tersebut dan menyambung semula dengan bertukar dengan satuan wacana lain, misalnya⁴ sukan Komanwel. Di sini, jelaslah bahawa satuan

wacana yang dihasilkan itu berdasarkan dua topik pembicaraan dan kedua-duanya tidak mungkin boleh dirangkai atau mempunyai tautan. Ini kerana kedua-dua topik itu menyebut **“tentang”**¹⁰ sesuatu yang berbeza. Dengan ini, jelaslah bahawa topik itu merupakan satu cara atau satu kaedah secara intuitif untuk melahirkan atau mendeskripsikan asas penyatuan wacana **“tentang”** sesuatu dalam keseluruhan kerangka topik (Brown dan Yule, 1996:70). Daripada analogi tersebut, dapatlah dikesan atau ditentukan topik yang mereka bincangkan itu **“tentang”** gejala sosial yang kemudiannya bertukar kepada sukan Komanwel pula. Dengan demikian, mereka pada fasa pertama telah *berbicara menurut topik*, iaitu gejala sosial. Pada fasa kedua pula mereka *berbicara menurut topik*, iaitu sukan Komanwel. Dengan ini, jelaslah apa yang dimaksudkan dengan **“bicara menurut topik”** itu merujuk pada *topik pembicaraan*. Ia menunjukkan setiap apa yang diperkatakan itu mempunyai hubungan dan sesuai pula dengan wacana keseluruhan percakapan. Ini telah diperjelaskan oleh Brown dan Yule (1996:83) seperti berikut:

Seorang peserta wacana dapat dikatakan berbicara menurut topik apabila ia membuat apa yang disumbangannya benar-benar cocok dengan unsur-unsur yang paling belakangan tercakup dalam kerangka topik. Ini sangat jelas pada percakapan yang di situ setiap peserta memungut unsur-unsur dari sumbangannya penutur sebelumnya dan memasukkan ke dalam sumbangannya.

¹⁰ “Tentang” di sini merujuk kepada topik pembicaraan dalam keseluruhan kerangka wacana.

Selain penjelasan di atas, terdapat satu istilah lain, yaitu **“berbicara mengenai topik”**. Istilah ini sebenarnya hadir pada kerangka topik seperti yang terdapat pada istilah sebelumnya, yaitu “berbicara menurut topik”. Perbedaannya adalah **“... oleh siapa yang oleh masing-masing penutur dianggap sebagai unsur yang menonjol dalam kerangka topik yang ada”** (1996:84). Hal ini membawa maksud bahawa pada kerangka wacana itu terdapat unsur yang dianggap lebih utama dan ia hanya menyentuh soal pemilihan sahaja tetapi ia masih lagi menjurus kepada topik pembicaraan.

Seterusnya, di dalam topik pembicaraan yang diperkatakan atau dibincangkan oleh mereka yang mengambil bahagian dalam kerangka wacana itu menunjukkan setiap mereka yang terlibat juga mempunyai topik-topik peribadi. Topik-topik peribadi ini disebut sebagai topik penutur (dalam Brown dan Yule, 1996:88). Di sini wujudlah perbezaan-perbezaan dalam setiap topik penutur tersebut. Namun begitu, dalam kerangka wacana, kita boleh melihat kesesuaian setiap topik penutur itu pada topik pembicaraan yang lebih menyeluruh. Sebagai contoh, topik pembicaraan ialah Gejala Sosial. Pelibat A akan membicarakan sebab berlaku gejala itu, pelibat B akan menyatakan tindakan yang perlu diambil dan pelibat C pula akan membicarakan contohnya. Di sini, setiap mereka yang terlibat dalam perbincangan itu mempunyai topik penutur yang berbeza. Bagaimanapun, dalam kerangka wacana itu terdapat satu kaedah yang secara intuitif boleh digunakan untuk mencari hubungan antara satu sama lain serta membawa kepada satu topik pembicaraan tersebut, iaitu Gejala Sosial.

Dengan demikian, konsep topik pembicaraan ini merupakan sesuatu yang menyeluruh bagi suatu kerangka wacana. Selain itu, ia juga boleh bertindak sebagai matlamat dalam sesuatu kerangka wacana.

Seterusnya, topik pembicaraan dan topik penutur yang dijelaskan di atas juga berbeza dengan topik kalimat. Wenneman mentakrifkan topik sebagai “... *topik dapat diacukan dengan memakai nama individu*” (1996:82). Ini bermakna topik itu adalah subjek dalam kalimat atau ayat. Kajian beliau ini adalah bersamaan dengan kajian Hockett yang mengatakan bahawa “*penutur memaklumkan sesuatu suatu topik dan kemudian mengatakan sesuatu tentang topik*” (1996:70). Bagaimanapun, kajian Hockett itu berdasarkan satu ayat atau kalimat. Sebaliknya, “*jika kalimat-kalimat itu diberikan secara terpisah ... nama lebih menonjol daripada apa saja yang lain*” (1996:82-83). Dengan ini, jelaslah bahawa topik yang dimaksudkan itu ialah topik kalimat dan topik kalimat tersebut sebenarnya ialah subjek dalam kalimat atau ayat tersebut. Givón (1979a)¹¹ juga menyentuh berkenaan topik dan ia sama seperti apa yang dilihat oleh Wenneman dan Hockett.

Berdasarkan penjelasan di atas, jelaslah bahawa terdapat berbagai-bagai konsep topik dalam analisis wacana. Namun begitu, setiap topik itu berbeza menurut kerangka wacana.

¹¹ Kajian Givón berkenaan topik sebagai unsur subjek telah diaplikasikan oleh Wong Khek Seng dalam melihat kesinambungan topik, lihat Wong Khek Seng “Kecinambungan Topik Dalam Bahasa Melayu” 1995.

Dalam kajian ini, kajian memberikan perhatian terhadap topik pembicaraan dalam usahanya untuk menilai proposisi atau idea terpenting yang ada dalam karangan sampel. Ini kerana kajian akan meneliti sama ada proposisi atau idea terpenting itu boleh ditautkan atau tidak dalam satu kerangka karangan tersebut. Hal ini penting untuk melihat kepaduan makna keseluruhan perenggan dan keseluruhan kerangka karangan sampel yang diteliti. Selain itu, ia juga penting untuk melihat sama ada kepaduan makna tersebut wujud dalam susunan proposisi dan idea terpenting yang teratur.